

Lebih 600 jayakan HSN di MRSM

UB 12.10.2016 A14

Oleh SALMAN ABADI

SANDAKAN: Warga Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tun Mohammad Fuad Stephens (TMFS) di sini telah mengadakan pelbagai aktiviti sempena Program Hari Sukan Negara (HSN) yang diadakan di maktab berkenaan Sabtu lalu.

Pengetua MRSM Sandakan Mohd Rizalmi Dahaman berkata lebih 600 pelajar dan guru-guru MRSM terlibat menjayakan beberapa aktiviti sukan di bawah penyelarasan Cikgu Roslinawati Arafee dan Mohd Hassman Hassan.

Katanya, turut terlibat dalam program itu ialah seramai 30 orang pelajar (siswa/siswi)



PELAJAR MRSM bersama warga Sandakan turut terlibat dalam persembahan seni silat sempena HSN peringkat daerah Sandakan.

dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) Kampus Pertanian Lesari di Hab Pendidikan (Batu 10) Jalan Sungai Batang Sandakan serta dua orang jurulatih senamrobiik.

Acara sukan yang diadakan termasuklah larian kampus kategori lelaki dan perempuan, pertandingan bola jaring (wanita) dan juga sukan permainan tradisional melibatkan penyertaan pelajar Tingkatan 4.

Beliau berkata, pelaksanaan aktiviti tersebut selaras dengan pelaksanaan Program Hari Sukan Negara yang diadakan serentak di seluruh negara pada 8 Oktober lalu dengan tema 'Marilah Bersukan'.

Menurutnya, sempena pelak-

sanaan program Hari Sukan Negara sejak tahun lalu, pihak MRSM Sandakan tidak ketinggalan mengadakan pelbagai aktiviti sukan khusus untuk menyahut dan menjayakan program itu bersama-sama jutaan rakyat Malaysia.

Dalam masa sama, program tersebut dapat meningkatkan lagi kesedaran terhadap kepentingan bersukan demi penjagaan kesihatan yang berterusan, selain menyemai budaya sihat dan cemerlang melalui amalan bersukan.

Sementara itu, pihak MRSM Sandakan juga turut terlibat menghantar peserta untuk mengambil bahagian dalam persembahan seni silat sempena sambutan Hari Sukan Negara peringkat daerah Sandakan yang diadakan Padang Perbandaran Sandakan.

Sambutan Hari Sukan Negara telah diisytiharkan pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober pada setiap tahun yang merupakan suatu inisiatif Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sebagai satu langkah proaktif dalam menerapkan amalan budaya hidup cergas dan aktif dalam kalangan rakyat Malaysia.

Penyertaan masyarakat dalam HSN tahun 2016 ini mencecah lebih 7 juta orang berbanding 5.1 juta penyertaan rakyat Malaysia pada tahun pertama pelaksanaannya tahun lalu.

Pelaksanaan program HSN dilihat sebagai pendekatan terbaik pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan (Persekutuan & Negeri) untuk membentuk masyarakat berbudaya sukan selain boleh menjana ekonomi dari sudut pembangunan, penghasilan dan pemasaran produk sukan serta menjadi medium penyatuan masyarakat majmuk di Malaysia.



SEBAHAGIAN pelajar dan guru-guru MRSM Sandakan kelihatan ceria dan seronok ber gambar kenangan selepas menjayakan aktiviti Hari Sukan Negara 2016.